

*Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol. 28, 155–171, 2013*

**MODUL PENILAIAN KOMPREHENSIF BAGI PERTOLONGAN  
CEMAS DALAM PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN**  
*(COMPREHENSIVE ASSESSMENT MODULE FOR FIRST AIDS IN  
PHYSICAL EDUCATION AND HEALTH)*

**Norkhalid Salimin, Julismah Jani, Azali Rahmat, Nur Haziyanti Mohamad Khalid  
and Omar Md Salleh**

Faculty of Sport Science and Coaching,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak

\*Corresponding author: [norkhalid@fsskj.upsi.edu.my](mailto:norkhalid@fsskj.upsi.edu.my)

**Abstrak:** Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana pencapaian pembelajaran pelajar berdasarkan domain kognitif, psikomotor dan afektif melalui Modul Penilaian Komprehensif (MPK) bagi tajuk pertolongan cemas dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK). Reka bentuk kajian ini berupa kaedah pra eksperimen – reka bentuk kajian sekali gus. Kajian dijalankan di beberapa buah sekolah menengah daerah Larut, Matang dan Selama dalam negeri Perak dengan sampel terdiri daripada 15 orang guru dan 443 orang pelajar Tingkatan 2 yang mengikuti kelas PJK. Instrumen MPK pertolongan cemas mengandungi penilaian berupa rubrik pemarkahan bagi domain kognitif ( $r = .76$ ), domain psikomotor ( $r = .92$ ) dan domain afektif ( $r = .77$ ) serta soal selidik tahap persetujuan guru terhadap penggunaan MPK bagi pertolongan cemas ( $r = .82$ ). Peratus persetujuan guru bagi pertolongan cemas adalah 70.96% (SP = .83). Keputusan kajian menunjukkan pencapaian pembelajaran kognitif murid ( $M = 6.89$ , 68.90%) berada pada tahap baik, pencapaian psikomotor semasa sesi pengajaran pada aras ketepatan perlakuan ( $n = 438$ ,  $M = 2.68$ ) dan semasa sesi simulasi pada aras kewajaran ( $n = 443$ ,  $M = 3.43$ ) manakala pencapaian afektif pada aras membina perwatakan ( $n = 443$ ,  $M = 4.17$ ). Kajian juga mendapati 90.53% guru bersetuju bahawa penggunaan MPK mampu meningkatkan pencapaian pembelajaran murid, 88.00% bersetuju MPK membantu dalam pengurusan pengajaran guru, 95.94% bersetuju penggunaan MPK mencapai objektif pengajaran, 79.46% bersetuju bahawa MPK menepati ciri modul penilaian dan 58.67% setuju bahawa MPK mudah dilaksanakan. Berdasarkan dapatan, instrumen MPK ini sesuai digunakan sebagai alat ukur yang piawai bagi menilai pencapaian pembelajaran murid dalam tajuk pertolongan cemas bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

**Kata kunci:** Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK), Modul Penilaian Komprehensif (MPK), pertolongan cemas, kognitif, psikomotor, afektif

**Abstract:** The purpose of this study was to identify student' learning achievement based on cognitive, psychomotor and affective domain through the Comprehensive Assessment Module (CAM) on first aid in Physical Education and Health subjects. A pre-experimental – one shot case studies design was conducted in secondary schools in district of Larut, Matang and Selama in Perak, Malaysia. The sample consisted of 15

teachers and 443 of Form 2 students who attended the Physical Education class. The instrument used scoring rubrics of cognitive domain ( $r = .76$ ), psychomotor domain ( $r = .92$ ) and affective domain ( $r = .77$ ). Questionnaires on the usage of a CAM on first aids ( $r = .82$ ) was also used in this study. Inter observer agreement for first aid (70.96%,  $SD = .83$ ). Results showed that students' cognitive achievement on first aids were good ( $M = 6.89$ , 68.90%). The highest achievement of psychomotor learning during teaching session is at develop precision level ( $n = 438$ ,  $M = 2.68$ ), and during simulation session was at articulation level ( $n = 443$ ,  $M = 4.02$ ). The highest achievement of affective learning is at organize level ( $n = 443$ ,  $M = 4.17$ ). The results showed that 90.53% of teachers agreed that the use of CAM can improve student achievement, 88.00% agreed that the instrument is to assist in the teaching, 95.94% agreed that the assessment is to achieve the objectives of teaching, 79.46% agreed that the assessment is compatible with the module assessment and 58.67% agreed that the CAM can be easily implemented. Based on the findings, the CAM is suitable as a standard tool for assessing student achievement on first aid for the Physical Education and Health subject.

**Keywords:** Physical Education and Health, Comprehensive Assessment Module, first aid, cognitive, psychomotor, affective

## **PENGENALAN**

Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) adalah mata pelajaran teras dan wajib diajar dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 25/1998 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1998). Mata pelajaran PJK mempunyai peranan yang besar dalam menyumbang ke arah pertumbuhan dan perkembangan pelajar secara menyeluruh melalui pengalaman pembelajaran bersepadu (Darst & Pangrazi, 2006; Abdullah Sani, 2003; Freeman, 2001; Dauer & Pangrazi, 1995).

Jemaah Nazir Sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993) telah menetapkan matlamat PJK di sekolah menengah adalah untuk membolehkan pelajar menjadi sihat, cergas dan produktif melalui pemupukan nilai, sikap, pengetahuan dan amalan kesihatan dan kecergasan dalam kehidupan seharian. Mata pelajaran PJK adalah suatu proses pendidikan terancang dan menyeluruh dengan matlamat yang jelas iaitu bertujuan membantu pelajar menjadi cergas melalui pembelajaran aktiviti fizikal dan amalan kecergasan.

Matlamat Kurikulum Pendidikan Kesihatan (PK) digubal bertujuan membantu pelajar meningkatkan pengetahuan tentang kesihatan, memupuk sikap positif terhadap kesihatan, dan mengamalkan gaya hidup sihat. Kurikulum ini dibahagikan kepada tiga tunjang pembelajaran iaitu kesihatan diri dan keluarga, gaya hidup sihat serta kebersihan dan keselamatan persekitaran. Murid perlu memahami dan menghayati pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi dalam mata pelajaran PK agar amalan gaya hidup sihat menjadi satu

budaya dalam masyarakat Malaysia. Pelajar dididik supaya sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan cabaran perubahan persekitaran dan sosial (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999).

Kurikulum PK yang terancang dan persekitaran yang kondusif di sekolah dapat menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan potensi individu ke tahap optimum. Tunjang kebersihan dan keselamatan persekitaran merangkumi tiga tajuk iaitu Keselamatan, Penyakit Berjangkit dan Pertolongan Cemas. Tunjang Pertolongan Cemas dalam sukatan pelajaran PK sekolah menengah Tingkatan 2 melibatkan tajuk prinsip dan prosedur pertolongan cemas *TOTAPS* (Amin, Anuar, & Enson, 2003).

Guru dikehendaki menjalankan proses penilaian bagi menentukan matlamat dan objektif mata pelajaran PJK tercapai. Menurut Bhasah (2007), penilaian adalah bertujuan menentukan status sesuatu objek yang dinilai dan membanding status berkenaan dengan satu set standard atau kriteria untuk membuat keputusan. Apabila proses ini berjalan dengan sistematik dan saintifik, maka keputusan yang dibuat akan lebih tepat dan memenuhi tujuan keputusan penilaian (Abu Bakar & Bhasah, 2008). Menurut Ikhsan dan Rohizani (2010), pengintegrasian kesemua unsur dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah bersifat praktikal untuk dilaksanakan di samping mencapai matlamat untuk memperkembangkan sikap saintifik dan nilai murni.

Seharusnya aspek penilaian pembelajaran pelajar dalam PJK masa kini perlu merangkumi domain kognitif, psikomotor dan afektif. Menurut Ahmad (2004) dan Miller (2006), pemberatan dalam menentukan gred Pendidikan Jasmani (PJ) adalah 3:1, di mana domain psikomotor mempunyai pemberatan tiga kali lebih besar berbanding dengan domain kognitif dan afektif. Namun, apa yang diamalkan di sekolah sekarang adalah penilaian terhadap domain kognitif melalui peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun sahaja dengan pemberatan 100%. Melalui penggunaan penilaian komprehensif ini, guru berupaya menilai pencapaian setiap pelajar secara formatif terhadap sesuatu tajuk yang diajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Instrumen penilaian ini direka bentuk berdasarkan objektif pembelajaran yang terkandung dalam sukatan mata pelajaran PJK (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999).

Oleh yang demikian, penilaian pencapaian murid dalam mata pelajaran PJK perlu direformasikan dengan mengubah cara guru menilai pencapaian murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan perkembangan dan kehendak dunia pendidikan melalui perubahan dalam aspek penilaian komprehensif. Menurut Payne (2003), guru perlu menilai kembali proses penilaian dalam mata pelajaran PJK dengan secara mendalam dan berkesan bagi memantapkan mata pelajaran PJK di sekolah.

Berdasarkan KBSM, penilaian formal berbentuk sumatif telah diperkenalkan bagi mata pelajaran PJK dan buat pertama kalinya markah atau gred PJK berdasarkan keputusan penilaian dimasukkan dalam buku laporan pelajar. Penilaian yang dijalankan terbahagi kepada dua iaitu kaedah peperiksaan dan ujian standard kecergasan fizikal kebangsaan (SEGAK) berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2008, Kementerian Pelajaran Malaysia (2008). Penilaian ini sebenarnya masih tidak menyeluruh di mana pelajar dinilai hanya melalui kaedah peperiksaan (domain kognitif) dan ujian SEGAK (domain psikomotor) dengan tumpuan kepada aspek kecergasan sahaja.

Oleh hal yang demikian, penilaian mata pelajaran PJK yang dilaksanakan sekarang ini adalah tidak lengkap dan holistik serta tidak seimbang dan menyeluruh disebabkan tiada satu instrumen yang standard untuk diguna pakai oleh guru bagi menilai murid dalam mata pelajaran PJK terutamanya berkaitan dengan tajuk kemahiran (Abdul Manan & Jumalanizon, *personal communication*, 30 July 2009). Justeru, Modul Penilaian Komprehensif (MPK) ini diperkenalkan bagi mengenal pasti prestasi pencapaian pembelajaran pelajar semasa kelas PJK. Kajian ini mengesyorkan penggunaan MPK yang menilai murid secara holistik merangkumi domain kognitif, psikomotor dan afektif berdasarkan aras pembelajaran murid bagi tajuk pertolongan cemas dalam mata pelajaran PJK.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pencapaian kognitif, psikomotor dan afektif pelajar dalam tajuk pertolongan cemas yang menggunakan Modul Penilaian Komprehensif (MPK). Kajian ini juga menilai tahap keberkesanan penggunaan MPK dalam tajuk pertolongan cemas.

## **METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah pra eksperimen – reka bentuk kajian sekali gus. Reka bentuk ini melibatkan satu kumpulan kajian yang didedahkan kepada rawatan (X) dan ujian pasca (O). Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah daerah Larut, Matang dan Selama dalam negeri Perak. Sampel terdiri daripada 15 orang guru PJK dan 443 orang pelajar Tingkatan 2 yang mengikuti kelas PJK dalam pertolongan cemas. Pemilihan sekolah dan subjek guru dalam kajian ini menggunakan kaedah rawak berlapis manakala pemilihan subjek pelajar pula dijalankan secara *intact* di mana guru memilih satu kelas mata pelajaran PJK Tingkatan 2 dan kesemua pelajar dalam kelas tersebut dijadikan subjek kajian.

Instrumen kajian merupakan penilaian dalam bentuk skor rubrik mengikut aras pembelajaran domain kognitif ( $r = .76$ ), domain psikomotor ( $r = .92$ ) dan domain afektif ( $r = .77$ ). Soal selidik tentang persetujuan guru terhadap penggunaan MPK bagi pertolongan cemas ( $r = .82$ ) manakala peratus persetujuan guru (*interobserver agreement*) bagi pertolongan cemas adalah 70.96% (SD = .83) turut digunakan dalam kajian ini.

Penilaian pembelajaran kognitif bagi pertolongan cemas mengandungi 10 soalan dengan jadual spesifikasi ujian mengikut aras taksonomi Bloom (Bloom, Engelhart, Furst, Hill, & Krathwohl, 1956) iaitu empat soalan aras pengetahuan (40%), satu soalan aras kefahaman (10%), dua soalan aras aplikasi (20%), satu soalan aras analisis (10%), satu soalan aras sintesis (10%) dan satu soalan aras penilaian (10%).

Penilaian ini adalah berdasarkan kepada taksonomi Bloom et al. (1956) melalui kaedah ujian bertulis dengan menggunakan skor skala tahap pencapaian kognitif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1.** Skala tahap penilaian kognitif pertolongan cemas

Skala	Tahap
80 dan ke atas	Cemerlang
60 hingga 79	Baik
40 hingga 59	Sederhana
20 hingga 39	Lemah
19 dan ke bawah	Sangat Lemah

Penilaian pembelajaran psikomotor bagi pertolongan cemas dijalankan oleh guru berdasarkan prosedur *TOTAPS* iaitu Bercakap (*Talk*), Pemerhatian (*Observe*), Sentuh (*Touch*), Aktif (*Active*), Pasif (*Passive*) dan Kemahiran (*Skill*). Murid akan melakukan kemahiran *TOTAPS* sebanyak dua kali iaitu semasa sesi pengajaran (latihan) dan sesi simulasi (situasi). Penilaian ini adalah berdasarkan kepada taksonomi Dave (1970) melalui kaedah pemerhatian guru dengan menggunakan skor pemingkatan dengan pecahan rubrik seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Skor rubrik penilaian psikomotor pertolongan cemas

Skala Aras	Kriteria Pentaksiran
5 Tindakan semula jadi	Menguasai kemahiran secara tindakan semula jadi Menghubung kait kemahiran dengan situasi permainan Ketepatan perlakuan kemahiran asas Manipulasi kemahiran asas Meniru kemahiran asas
4 Menghubung kait	Menghubungkait kemahiran dengan situasi permainan Ketepatan perlakuan kemahiran asas Manipulasi kemahiran asas Meniru kemahiran asas
3 Ketepatan perlakuan	Ketepatan perlakuan kemahiran asas Manipulasi kemahiran asas Meniru kemahiran asas
2 Manipulasi	Manipulasi kemahiran asas Meniru kemahiran asas
1 Meniru	Meniru kemahiran asas

Penilaian pembelajaran afektif bagi nilai kerjasama pula mengandungi dua sub nilai iaitu bantu-membantu dan prihatin. Kaedah pemerhatian guru digunakan berdasarkan taksonomi Krathwohl (Krathwohl, Bloom, & Masia, 1964) dengan menggunakan skor pemeringkatan dengan pecahan rubrik seperti Jadual 3.

Tempoh masa kajian ini melibatkan dua kali sesi pengajaran dan setiap sesi melibatkan dua waktu (80 minit) dalam semester dua sesi persekolahan. Penilaian kognitif mengandungi satu set ujian dan digunakan semasa sesi pengajaran pertama. Set ujian mengandungi 10 soalan dan dilaksanakan pada akhir sesi pengajaran manakala masa menjawab adalah selama lapan minit. Penilaian psikomotor pula dibahagikan kepada dua sesi iaitu semasa sesi pengajaran dan sesi simulasi manakala pentaksiran afektif dilaksanakan di sepanjang proses pengajaran berlangsung. Satu set soal selidik tahap persetujuan guru terhadap penggunaan MPK pertolongan cemas diberikan kepada 15 subjek guru PJ setelah menamatkan keseluruhan proses pengajaran bagi kemahiran pertolongan cemas.

**Jadual 3.** Skoran rubrik penilaian afektif pertolongan cemas

Skala Aras	Kriteria Pentaksiran
5 Membina perwatakan	Membina perwatakan nilai
	Organisasi nilai
	Menghargai nilai
	Bertindak balas terhadap nilai
	Menerima nilai
4 Organisasi	Organisasi nilai
	Menghargai nilai
	Bertindak balas terhadap nilai
	Menerima nilai
3 Menghargai	Menghargai nilai
	Bertindak balas terhadap nilai
	Menerima nilai
2 Bertindak balas	Bertindak balas terhadap nilai
	Menerima nilai
1 Menerima	Menerima nilai

Berdasarkan Jadual 4, tahap pencapaian keseluruhan murid dari segi kognitif berada pada tahap baik ( $M = 6.89$ , 68.90%) manakala tahap penguasaan murid bagi soalan aras kefahaman ( $M = 0.85$ , 85.00%), analisis ( $M = 0.91$ , 91.00%) dan sintesis ( $M = 0.81$ , 81.00%) berada pada tahap cemerlang. Sementara itu, soalan aras penilaian ( $M = 0.34$ , 34.00%) berada pada tahap lemah. Menurut Bloom et al. (1956), untuk tujuan pendidikan tahap kognitif murid dalam sesuatu pembelajaran kemahiran harus meliputi keupayaan murid dalam enam aras yang berbeza mengikut hierarki. Ahli psikologi kognitif yang lain seperti Piaget (1972), Bruner (1966) dan Ausubel (1963) juga sependapat pentingnya pemboleh ubah struktur kognitif dan proses kognitif dalam menggalakkan proses pembelajaran yang bermakna di bilik darjah. Penyelidik mendapati murid perlu menguasai aras pencapaian peringkat rendah seperti aras pengetahuan, kefahaman dan aplikasi terlebih dahulu kemudian barulah tumpuan sepenuhnya kepada penguasaan aras yang lebih tinggi seperti aras analisis, sintesis dan penilaian.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

**Jadual 4.** Tahap pencapaian penilaian pembelajaran kognitif dalam pertolongan cemas ( $N = 437$ )

Tahap	<i>N</i>	%
Cemerlang	119	27.20
Baik	273	62.50
Sederhana	37	8.50
Lemah	8	1.80
Jumlah	437	100.00

  

Aras Soalan	<i>M</i>	<i>SP</i>	% Pencapaian	Tahap
Pengetahuan (4 soalan)	2.91	0.53	72.75	Baik
Kefahaman (1 soalan)	0.85	0.36	85.00	Cemerlang
Aplikasi (2 soalan)	1.07	0.63	63.50	Baik
Analisis (2 soalan)	0.91	0.29	91.00	Cemerlang
Sintesis (1 soalan)	0.81	0.39	81.00	Cemerlang
Penilaian (1 soalan)	0.34	0.47	34.00	Lemah
Jumlah (10 soalan)	6.89	1.28	68.90	Baik

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, pencapaian keseluruhan murid bagi penilaian kognitif berada pada tahap baik. Latar belakang murid yang menjadi sampel perlu juga diambil kira kerana mereka hanya mempelajari tajuk pertolongan cemas – kemahiran *TOTAPS* semasa dalam mata pelajaran Pendidikan Kesihatan sahaja. Rink (2002) menjelaskan, proses pembelajaran yang berkesan dapat meningkatkan kefahaman murid melalui proses kognitif, membina kecekapan sesuatu kemahiran melalui pergerakan psikomotor dan menerapkan nilai-nilai afektif yang baik melalui aktiviti sosialisasi.

Penilaian psikomotor murid dalam pertolongan cemas – kemahiran *TOTAPS* dibuat dalam dua sesi iaitu semasa sesi pengajaran dan sesi simulasi. Tahap pencapaian psikomotor dijelaskan dalam Jadual 5.



**Jadual 5.** Aras pencapaian psikomotor pelajar dalam kemahiran pertolongan cemas – *TOTAPS*

Sesi	Aras	N	%
Pengajaran	Ketepatan perlakuan	295	67.40
	Manipulasi	137	31.20
	Meniru	6	1.40
Jumlah		$N = 438, M = 2.68, SP = 0.48$	
Simulasi	Tindakan semula jadi	44	9.90
	Menghubung kait	205	46.30
	Ketepatan perlakuan	91	20.50
	Manipulasi	102	23.00
	Meniru	1	0.20
	Jumlah	$N = 443, M = 3.43, SP = 0.96$	

Penilaian pembelajaran psikomotor bagi pertolongan cemas semasa sesi pengajaran dinilai berdasarkan tiga aras iaitu meniru, manipulasi dan ketepatan perlakuan. Berdasarkan Jadual 5, menunjukkan pencapaian murid secara keseluruhan semasa sesi pengajaran berada pada aras manipulasi ( $M = 2.24, SP = 0.55$ ). Penilaian pembelajaran psikomotor bagi pertolongan semasa sesi simulasi dinilai berdasarkan lima aras iaitu meniru, manipulasi, ketepatan perlakuan, menghubungkan kait dan tindakan semula jadi. Pencapaian murid semasa sesi simulasi berada pada aras ketepatan perlakuan ( $M = 3.43, SP = 0.90$ ). Pencapaian tertinggi murid semasa sesi pengajaran adalah pada aras ketepatan perlakuan ( $n = 295, 67.40\%$ ) manakala pencapaian tertinggi semasa sesi simulasi adalah pada aras menghubungkan kait ( $n = 205, 46.30\%$ ). Dapatan kajian menunjukkan murid berjaya menguasai aras ketepatan perlakuan semasa sesi pengajaran bagi kemahiran *Talk* ( $n = 336, 76.40\%$ ), *Observe* ( $n = 302, 68.50\%$ ), *Touch* ( $n = 327, 74.50\%$ ), *Active* ( $n = 282, 64.10\%$ ), *Passive* ( $n = 263, 59.50\%$ ) dan *Skill* ( $n = 251, 56.80\%$ ) manakala bilangan murid berjaya menguasai aras tindakan semula jadi semasa sesi simulasi bagi kemahiran *Talk* ( $n = 80, 18.10\%$ ), *Observe* ( $n = 68, 15.30\%$ ), *Touch* ( $n = 66, 14.90\%$ ), *Active* ( $n = 42, 9.50\%$ ), *Passive* ( $n = 29, 6.50\%$ ) dan *Skill* ( $n = 42, 9.50\%$ ).

Secara keseluruhan penyelidik mendapati murid tidak menghadapi sebarang masalah untuk melakukan teknik pertolongan cemas berdasarkan kemahiran *TOTAPS*. Hasil kajian tersebut membuktikan bahawa murid yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran tersebut dapat memahami dan melakukan kemahiran tersebut dengan baik. Bloom et al. (1956) berpendapat bahawa pencapaian kemahiran psikomotor mempunyai hubungan dengan pencapaian kognitif murid. Singer (1972) menambahkan bahawa mata pelajaran yang

berkaitan dengan psikomotor adalah mata pelajaran yang lebih berorientasi pada pergerakan dan menekankan pada tindak balas fizikal.

Pencapaian penilaian psikomotor bagi pertolongan cemas – kemahiran *TOTAPS* semasa sesi simulasi pada keseluruhannya berada pada aras ketepatan perlakuan. Keadaan ini disebabkan oleh pada sesi simulasi, murid tertekan kerana mereka dinilai pada situasi tersebut secara keseluruhan daripada apa yang telah mereka pelajari. Murid perlu menghadapi beberapa aras atau peringkat penguasaan dalam tajuk kemahiran motor. Menurut Djemari Mardapi (2003), terdapat enam tahap dalam kemahiran psikomotor iaitu gerakan tindak balas, gerakan asas, gabungan pergerakan, perlakuan fizikal, kelancaran pergerakan dan menjelaskan pergerakan. Butler (1972) juga menjelaskan hasil pembelajaran kemahiran psikomotor terbahagi kepada tiga peringkat iaitu *specific responding*, *motor chaining* dan *rule using*. Pada peringkat *specific responding* pelajar dapat memberi tindak balas terhadap hal-hal melibatkan fizikal. Murid dapat menggabungkan lebih daripada dua kemahiran asas menjadi kepada satu kemahiran sahaja pada peringkat *motor chaining* manakala peringkat *rule using* membolehkan murid menggunakan pengetahuannya untuk melakukan kemahiran yang lebih kompleks.

**Jadual 6.** Tahap pencapaian penilaian pembelajaran afektif dalam pertolongan cemas

Aras	<i>N</i>	%
Membina perwatakan	350	79.00
Mengorganisasi	85	19.20
Menghargai	8	1.80
Bertindak balas	-	-
Menerima	-	-
Jumlah	<i>N</i> = 443, <i>M</i> = 4.77, <i>SP</i> = 0.46	

Berdasarkan Jadual 6, pencapaian keseluruhan penilaian afektif berada pada aras membina perwatakan ( $M = 4.77$ ,  $SP = 0.46$ ) manakala pencapaian tertinggi pelajar adalah pada aras membina perwatakan ( $n = 350$ , 79.00%). Hasil kajian mengenai tahap pencapaian afektif dalam kemahiran pertolongan cemas *TOTAPS* secara keseluruhan menunjukkan tahap pencapaian murid berada pada tahap cemerlang. Berdasarkan penilaian MPK mengenai aras pencapaian afektif dalam ujian pertolongan cemas – kemahiran *TOTAPS* pula menunjukkan majoriti murid mencapai aras afektif yang tertinggi iaitu membina perwatakan.

Melalui hasil kajian tersebut dapat dirumuskan bahawa keupayaan individu untuk menguasai kemahiran adalah berbeza-beza mengikut aras kognitif, psikomotor dan afektif. Keadaan ini dijelaskan oleh Bloom et al. (1956) yang menyatakan

kesan proses pembelajaran seseorang murid bergantung kepada prestasi, kepantasan dan hasil afektif yang ditetapkan. Anderson (1981) sependapat dengan Bloom di mana ciri-ciri manusia belajar meliputi cara berfikir, melakukan kemahiran dan perasaan yang melibatkan nilai afektif. Popham (1995), juga menjelaskan faktor domain afektif akan menentukan keberhasilan tahap pembelajaran seseorang individu. Oleh itu, individu yang tidak memiliki minat yang positif pada pelajaran akan menghadapi kesukaran untuk mencapai keberhasilan belajar yang maksimum.

Berdasarkan dapatan ini, dapatlah disimpulkan bahawa domain afektif merupakan domain penting yang harus diberi perhatian dalam kemahiran belajar. Namun, kebanyakan pendidik sering mengabaikan domain afektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana faktor kesukaran dalam membuat penilaian terhadap nilai afektif (McLeod, 1991; Romiszowski, 1989; Tittle & Hecht, 1989). Kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional dikatakan sering menitikberatkan domain kognitif berbanding afektif (Peterson & Augustine, 2000).

Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa murid lebih menghargai strategi pengajaran yang menekankan hasil pembelajaran afektif (McTeer & Blanton, 1978). Menurut Thompson dan Mintzes (2002) dan Williams (2003), guru yang menolak hasil pembelajaran afektif boleh mengurangkan motivasi untuk terus belajar terutama dalam pembelajaran kemahiran. Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam topik kemahiran PJK hendaklah mengambil berat tentang penilaian nilai afektif yang diperolehi sebagai hasil pembelajaran.

Pengkaji turut menganalisis tahap persetujuan guru terhadap penggunaan instrumen MPK berdasarkan lima elemen iaitu penggunaan modul terhadap pencapaian prestasi pelajar, pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru, pencapaian objektif pembelajaran, ciri-ciri modul dan aspek pengurusan modul dengan menggunakan soal selidik tahap persetujuan guru terhadap penggunaan MPK pertolongan cemas. Keputusan kajian ditunjukkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7.** Persetujuan guru terhadap penggunaan modul penilaian komprehensif

Item	F	Peratus Persetujuan		
		Setuju	Agak Setuju	Tidak Setuju
Meningkatkan pencapaian prestasi murid	74	67 90.53%	7 9.46%	-
Membantu pengurusan pengajaran guru	75	66 88.00%	3 4.00%	6 8.00%
Mencapai objektif pengajaran	74	71 95.94%	2 2.70%	1 1.35%
Menepati ciri modul penilaian	73	58 79.46%	11 15.09%	2 2.74%
Pengurusan pentaksiran mudah dilaksanakan	75	44 58.67%	17 22.67%	14 18.67%

Analisis keputusan dalam Jadual 7 mendapati 90.53% guru bersetuju penggunaan MPK mampu meningkatkan pencapaian pelajar, pelajar lebih bersemangat, bermotivasi, berusaha memberikan yang terbaik dan penyertaan pelajar amat menggalakkan bagi item pencapaian prestasi pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan 88.00% guru bersetuju bahawa penggunaan MPK mampu membantu guru menilai prestasi murid dan mengenal pasti kelemahan, membantu proses pengajaran dan pembelajaran serta berjalan lancar dan tidak membebankan tugas guru bagi item pengurusan pengajaran guru.

Terdapat 95.94% guru bersetuju bahawa penggunaan MPK mampu mencapai matlamat dan objektif mata pelajaran PJK, kriteria pemarkahan mudah, jelas serta sesuai dengan tajuk dan menepati hasil pembelajaran bagi item pencapaian objektif pembelajaran. Sebanyak 79.46% guru bersetuju bahawa penggunaan MPK mampu memudahkan proses penilaian murid, mesra pengguna, tidak mengambil masa lama, rubrik menepati skor penilaian dan prosedur yang mudah dipatuhi bagi item ciri-ciri modul penilaian. Manakala 58.67% guru bersetuju bahawa penilaian kognitif, afektif dan psikomotor mudah dilaksanakan, kandungan penilaian tidak terlalu banyak dan masa pengajaran tidak membataskan proses penilaian bagi item aspek pengurusan modul.

Hasil kajian ini bertepatan dengan kriteria penilaian berdasarkan Wiggins (1989) serta Ryan dan Miyasaka (1995) di mana penilaian direka bentuk perlu berdasarkan kepada situasi sebenar dan mengikut keupayaan murid seterusnya menimbulkan minat yang menggalakkan, bermotivasi, usaha bersemangat-sungguh seterusnya dapat meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan senario permasalahan murid tidak berminat dengan

mata pelajaran PJK (Jemaah Nazir Sekolah dan Jaminan Kualiti, 2009, March) boleh diatasi.

Sehubungan itu, penilaian mampu menyediakan cara yang sistematik untuk menilai kemahiran berfikir dan menaakul serta mampu menilai hasil yang tidak dapat diukur oleh ujian objektif dan esei biasa (Bhasah, 2007). Justeru, MPK dapat membantu guru menilai prestasi dan mengenal pasti kelemahan murid serta mampu menjelaskan kecekapan murid dalam melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti. Selaras dengan teori pembelajaran yang menyarankan penggunaan penilaian prestasi terbuka sebagai asas kepada peningkatan pembelajaran. Kaedah pemerhatian yang dijalankan adalah selari dengan kaedah yang dicadangkan oleh Lund dan Kirk (2002) dan Feuer dan Fulton (1993) dan bertepatan dengan kehendak Noraini (2001), Mohnsen (2003) dan Marsh dan Willis (2007) di mana teknik penilaian yang digunakan mampu melihat sejauh mana berjaya dan berkesan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran.

Ciri-ciri MPK yang dibina ini adalah berasaskan prestasi, tumpuan yang lebih tinggi, kemahiran yang kompleks, aplikasi strategi khusus, penyelesaian masalah, berdasarkan individu, kebebasan memilih (Baker, O'Neil, & Linn, 1993) dan juga berasaskan standard (Marzano, Pickering, & McTighe, 1993). Kandungan item penilaian dalam MPK adalah selaras dengan kehendak matlamat dan objektif seperti yang terkandung dalam sukatan pelajaran PJK Tingkatan 2. Kriteria pemarkahan juga mudah dan selaras dengan aras taksonomi mengikut domain iaitu taksonomi Bloom et al. (1956), taksonomi Dave (1970) dan taksonomi Krathwohl et al. (1964).

Skala rubrik yang digunakan dalam kajian ini mampu dijadikan sebagai rujukan penilaian berdasarkan kemahiran dan senarai semak bagi menghuraikan prestasi setiap tahap dan sebagai satu panduan atau format (Bhasah, 2007). Pembinaan skala rubrik mempunyai ciri-ciri yang digariskan oleh Popham (1997) iaitu kriteria pemilihan, huraian yang berkualiti dan strategi pemarkahan serta dihuraikan secara spesifik mengenai apa yang hendak diukur (Quellmalz, 1991). Oleh itu, MPK yang dibina ini didapati mesra pengguna, memudahkan guru dan prosedur pelaksanaan mudah dipatuhi.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil kajian, instrumen Modul Penilaian Komprehensif (MPK) ini sesuai digunakan oleh guru sebagai alat ukur yang piawai bagi menilai pencapaian pembelajaran murid dalam tajuk kemahiran pertolongan cemas bagi mata pelajaran PJK. Penggunaan MPK ini lebih realistik, holistik dan mampu menilai murid secara menyeluruh iaitu dari segi kognitif, psikomotor dan afektif

selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. MPK ini juga bersesuaian dengan penilaian berasaskan sekolah dan penggunaannya menunjukkan kuasa ilmu pengetahuan dan mengembalikan status quo mata pelajaran PJK di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahya. (2003). *Mengurus sekolah: Siri pentadbiran pendidikan*. Pahang: PTS Publications.
- Abu Bakar Nordin. (1985). *Penilaian afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Abu Bakar Nordin, & Bhasah Abu Bakar. (2008). *Penaksiran dalam pendidikan & sains sosial*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Ahmad Hashim. (2004). *Pengukuran kecergasan motor*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Anderson, L. W. (1981). *Assessing affective characteristics in the schools*. Boston: Allyn and Bacon.
- Amin Yusof, Anuar Din, & Enson Din. (2003). *Pendidikan jasmani dan kesihatan tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ary, D., Jacob, L. C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to research in education* (6th ed.). New York: Harcourt Brace Collage Pub.
- Ausubel, D. P. (1963). *The psychology of meaningful verbal learning*. New York: Grune and Stratton.
- Baker, E. L., O'Neil, H. E. Jr., & Linn, R. L. (1993). Policy and validity prospects for performance-base assessment. *American Psychologist*, 48, 1210–1218.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Pengujian, pengukuran dan penilaian pendidikan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Bloom, B. S., Engelhart, M. D., Furst, E. J., Hill, W. H., & Krathwohl, D. R. (1956). *Taxonomy of educational objectives the classification of educational goals handbook I: Cognitive domain*. New York: David McKay Company, Inc.
- Bruner, J. (1966). *Studies in cognitive growth: A collaboration at the Center for Cognitive Studies*. New York: Wiley & Sons.
- Butler, F. C. (1972). *Instructional systems development for vocational and technical training*. Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology Publications.

- Darst, P. W., & Pangrazi, R. P. (2006). *Dynamic physical education for secondary school student* (5th ed.). Massachusetts: Allyn & Bacon.
- Dauer, V. P., & Pangrazi, R. P. (1995). *Dynamic physical education for elementary school children* (11th ed.). Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Dave, R. H. (1970). *Psychomotor levels developing and writing behavioral objectives*. Tuscon, AZ: Educational Innovators Press.
- Djemari Mardapi. (2003). Kurikulum 2004 dan optimalisasi sistem evaluasi pendidikan di sekolah. Retrieved 21 October 2010, from <http://srigalajantan.wordpress.com/2009/11/23/evaluasi-pembelajaran/>
- Feuer, M. J., & Fulton, K. L. (1993). The many faces of performance assessment. *Phi Delta-Kappan*, 74(6), 478.
- Fitts, P. M., & Posner, M. I. (1967). *Human performance*. Belmont, CA: Brooks Cole.
- Freeman, W. H. (2001). *Physical education and sport in a changing society* (6th ed.). San Francisco: Benjamin Cummings.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2009). *Educational research competencies for analysis and applications* (6th ed.). New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Ikhsan Othman, & Rohizani Yaakub. (2010). Aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pelaksanaan kurikulum. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 21–32.
- Jemaah Nazir Sekolah dan Jaminan Kualiti. (2009, March). *Laporan jemaah nazir sekolah dan jaminan kualiti dalam mesyuarat ketua-ketua jabatan pendidikan jasmani IPG Malaysia*. Unpublished report, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1988). *Surat pekeliling ikhtisas bil. 2/1988: Pendidikan jasmani (Pindaan)*. Kuala Lumpur: Author.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Surat pekeliling ikhtisas bil. 4/2008: Standard kecergasan fizikal kebangsaan untuk murid sekolah malaysia (SEGAK)*. Kuala Lumpur: Author.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1993). *Buku panduan pengurusan profesional sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Surat pekeliling ikhtisas bil. 25/1998*: Kuala Lumpur: Author.

Norkhalid Salimin et al.

- Krathwohl, D. R., Bloom, B. S., & Masia, B. B. (1964). *Taxonomy of educational objectives the classification of educational goals, handbook II: Affective domain*. New York: David McKay Company, Inc.
- Lund, J. L., & Kirk, M. F. (2002). *Performance-base assessment for middle and high school physical education*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Marsh, C. J., & Willis, G. (2007). *Curriculum. Alternative approaches, ongoing issues*. New Jersey: Pearson.
- Marzano, R. J., Pickering, D., & McTighe, J. (1993). *Assessing student outcomes*. Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Miller, D. K. (2006). *Measurement by the physical educator why and how* (5th ed.). Dubuque, IA: Wm. C. Brown.
- McLeod, S. H. (1991). The affective domain and the writing process: Working definitions. *Journal of Advanced Composition (JAC)*, 11(1), 95–105.
- McTeer, J. H., & Blanton, F. L. (1978). Comparing views of students, parents, teachers, and administrators on objectives for the secondary school. *Education*, 96, 259–263.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohnsen, B. S. (2003). *Teaching middle school physical education. A standards-based approach for grades 5–8*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Noraini Idris. (2001). *Pedagogi dalam pendidikan matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Payne, D. A. (2003). *Applied educational assessment* (2nd ed.). Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company.
- Peterson, M. W., & Augustine, C. H. (2000). External and internal influences on institutional approaches to student assessment: Accountability or improvement? *Research in Higher Education*, 14, 443–479.
- Piaget, J. (1972). *The psychology of the child*. New York: Basic Books.
- Popham, W. J. (1995). *Classroom assessment: What teachers need to know*. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Popham, W. J. (1997). What's wrong and what's right with rubrics. *Educational Leaderships*, 55(2), 72–75.



- Pusat Perkembangan Kurikulum (1999). *Sukatan pelajaran rendah dan menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Quellmalz, E. S. (1991). Developing criteria for performance assessments: The missing link. *Applied Measurement in Education*, 4(4), 319–331.
- Rink, J. E. (2002). *Teaching physical education for learning* (4th ed.). New York: McGraw Hill.
- Romiszowski, A. J. (1989). Attitudes and affect in learning and instruction. *Educational Media International*, 26(2), 85–100.
- Ryan, J. M., & Miyasaka, J. R. (1995). Current practice in testing and measurement: What is driving the changes? *NASSP Bulletin*, 79(537), 1–10.
- Singer, R. N. (1972). *The psychomotor domain: Movement behavior*. London: Henry Kimton Publisher.
- Thompson, T. L., & Mintzes, J. J. (2002). Cognitive structure and the affective domain: On knowing and feeling in biology. *International Journal of Science Education*, 24, 645–660.
- Tittle, C. K., & Hecht, D. (1989, March). *From taxonomy to constructing meaning in context: Revisiting the taxonomy of educational objectives: 2. Affective domain, 25 years later*. Paper presented at the annual meeting of the National Council on Measurement in Education, San Francisco.
- Wiggins, G. (1989). Teaching to the (authentic) test. *Educational Leadership*, 46(7), 41–47.
- Williams, L. (2003). Including the affective domain. *Teaching Elementary Physical Education*, 14, 2–5.